

# Ratu Kolej 2016 milik Jennifer Jeffrey Peron

FOTO CHIN SHING MING @ AMIN

GADIS manis berasal dari Kuching sekali gus mewakili Kampus Universiti UCSI Sarawak, Jennifer Jeffrey Peron dinobatkan sebagai juara Ratu Kolej 2016 pada pertandingan akhir Ratu Kolej 2016 anjuran Swinburne Sarawak Fashion Club (SSFC) pada 8 April (Jumaat) lalu.

Pertandingan tersebut merupakan julung kali dianjurkan oleh SSFC dan menggabungkan tiga universiti iaitu Universiti Swinburne, Kampus Universiti UCSI Sarawak dan UNIMAS.

Gelaran Juara membolehkan Jennifer pulang membawa hadiah berupa wang tunai berjumlah RM750, tiara, trofi, baucar spa dan selempang. Hadiah disampaikan oleh Menteri Kebajikan, Keluarga dan Pembangunan, Datuk Hajah Fatimah Abdullah.

Tempat kedua diraih oleh Kau Khoon Yen, juga dari Kampus Universiti UCSI Sarawak dengan membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM500, tiara, trofi, baucar spa dan selempang.

Kau Khoon Yen turut diumumkan sebagai Ratu Populariti dengan membawa pulang selempang dan trofi.

Tempat ketiga diraih oleh Wasana Wickramaratne dari Sri Lanka dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM250, tiara, trofi, baucar spa dan selempang.

Manakala gelaran sampingan Ratu Persahabatan diraih oleh Noor Warda Abd Nasser dari Singapura, Ratu Fotogenik diraih oleh Aniq Shams dari Bangladesh dan Ratu Personaliti diraih oleh Careen Kumar dari Malaysia.

Turut menyampaikan hadiah ialah Jackie Barahim dari Butik Impian Pengantin merupakan penaja utama Ratu Kolej 2016,

Turut bertandingan ialah Nisha, (Malaysia), Nuna Tlimissova (Kazakhstan), Celine, (Malaysia), Dilzoda Saidova (Uzbekistan), Leila Kaskulakova, (Kazakhstan), Joan Law Yan Ting, (Malaysia) dan Aisha Hamood Ahmed Alhashimi, (Oman).


Kesemua peserta telah melalui tiga segmen iaitu segmen pengenalan memakai pakaian tradisional dari negara masing-masing, segmen kedua menampilkan pakaian santai dan segmen ketiga menampilkan gaun malam.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor Universiti Swinburne Kampus Sarawak, Profesor Janet Gregory.



UNTUK JUARA...Datuk Hajah Fatimah Abdullah meletakkan tiara di atas kepala Jennifer sebaik sahaja diumumkan juara Ratu kolej 2016.





RAKAM KENANGAN...Tiga pemenang Ratu Kolej 2016 bergambar dengan tetamu kehormat dalam pertandingan tersebut.



**BERI TUMPUAN...**Juri mengadili Ratu Kolej 2016 sedang memberikan perhatian.



**JACKIE BARAHIM** menyampaikan hadiah kepada Ratu Persahabatan diraih oleh Noor Warda Abd Nasser dari Singapura.



RATU Fotogenik diraih oleh Aniq Shams dari Bangladesh.



SALAH seorang peserta memperagakan gaum malam dalam pertandingan Ratu Kolej 2016.